

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

1. Berapa banyakkah kawasan-kawasan perumahan dan penempatan asing yang telah dibina dan disewa untuk mereka di kawasan Barat Daya?
 - (a) Kawasan Bayan Lepas dan Teluk Kumbar.
 - (b) Kawasan Pulau Betong.
 - (c) Kawasan Teluk Bahang.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) tidak menyediakan sebarang perumahan dan penempatan asing di mana-mana kawasan di Negeri Pulau Pinang. Selain daripada itu, Rumah Mampu Milik (RMM) yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) kepada pemohon yang layak juga tidak boleh disewakan kepada mana-mana pihak ketiga. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meletakkan klausa sekatan perkara ini dalam Surat Akaun Berkanun yang akan ditandatangani oleh pihak pembeli.

Walau bagaimanapun, berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) jumlah asrama/penempatan pekerja asing setakat ini di kawasan Daerah Barat Daya adalah seperti berikut:

KAWASAN	BILANGAN UNIT
BAYAN LEPAS	294
TELUK KUMBAR	1
PULAU BETONG	45
TELUK BAHANG	TIADA
JUMLAH KESELURUHAN	340

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

2. Masih terdapat banyak kedai-kedai runcit di kawasan Barat Daya yang diusahakan oleh kaum-kaum pendatang asing. Apakah tindakan Kerajaan Negeri di dalam menangani isu ini?
- (a) Kawasan Bayan Lepas dan Teluk Kumbar.
 - (b) Kawasan Pulau Betong.
 - (c) Kawasan Teluk Bahang.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menjalankan Operasi Bersih secara berkala bagi mengesan dan mengambil tindakan ke atas premis-premis perniagaan tanpa lesen termasuk kedai-kedai runcit yang dimiliki oleh warga asing. Operasi ini turut melibatkan beberapa kawasan di Bayan Lepas, Teluk Kumbar, Pulau Betong dan Teluk Bahang. Bilangan operasi yang telah dilaksanakan sejak tahun 2022 sehingga bulan Oktober 2024 adalah seperti jadual berikut:

TAHUN	BILANGAN OPERASI MENGIKUT KAWASAN		
	BAYAN LEPAS & TELUK KUMBAR	PULAU BETONG	TELOK BAHANG
2022	4	3	3
2023	5	3	4
2024	5	4	3

Hasil pemeriksaan MBPP mendapati bahawa tiada premis yang dimiliki sepenuhnya oleh warga asing. Premis-premis berkenaan adalah disewa melalui perjanjian penyewaan yang sah dengan pemilik bangunan kedai melalui warga tempatan atau melalui penubuhan syarikat/perniagaan peruncitan yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Justeru, tiada kes pencerobohan ke atas lot bangunan kedai runcit oleh warga asing yang dapat dikesan. Akan tetapi, pemilik syarikat/perniagaan ini boleh mendapatkan permit pekerja warga asing bagi lot-lot kedai komersial yang sah, yang dikawal selia melalui Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Walau bagaimanapun, terdapat warga asing yang dikesan menjalankan aktiviti perniagaan barangan runcit di bawah kategori gerai/penjaja tanpa lesen di atas tapak/lokasi yang tidak dibenarkan. Sehubungan dengan itu, MBPP telah mengambil tindakan tegas dengan tidak mengeluarkan/memberikan lesen perniagaan dan MBPP juga telah melaksanakan tindakan rampasan perniagaan. Bilangan tindakan rampasan ke atas perniagaan yang dijalankan sepenuhnya oleh warga asing adalah seperti jadual berikut:

TAHUN	BILANGAN TINDAKAN RAMPASAN
2022	37
2023	94
2024	182

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

3. Terdapat ramai pesawah-pesawah yang mengalami kerugian pada musim ini, disebabkan fenomena angin kencang dan ribut yang menyebabkan pokok-pokok padi rebah dan tidak boleh dituai.
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menangani masalah ini?
 - (b) Berapakah jumlah pampasan per hektar yang diberikan?
 - (c) Berapakah jumlah keseluruhan pampasan yang diberikan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. (a) Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan khas berjumlah RM200,000.00 melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) sebagai bantuan segera kepada petani yang terjejas akibat bencana. Seramai 131 orang petani yang terlibat dengan keluasan keseluruhan kawasan pertanian yang terjejas adalah sebanyak 140.84 hektar.
- (b) Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM200,000.00 bagi membantu para petani yang terlibat dengan bencana ribut, banjir dan angin kencang pada September 2024. Sebanyak RM1,420.00 per hektar diperuntukkan meliputi keluasan yang terjejas iaitu 140.84 hektar.
- (c) Hasil bancian dan laporan yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP), kerugian yang dialami oleh para petani yang terlibat

dengan bencana ribut dan banjir sehingga September 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Jumlah keseluruhan petani yang mengalami kerugian adalah seramai 131 orang petani dengan jumlah kerugian sebanyak RM1,740,400.00. Cadangan nilai bantuan berjumlah RM239,832.00 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal Tabung Bencana (TBTP) dan Tabung Bencana Pertanian (TBP) Jabatan Pertanian Malaysia, dan sedang diteliti untuk kelulusan pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Keputusan oleh KPKM dijangka pada hujung tahun 2024. Sekiranya KPKM meluluskan permohonan TBTP ini, maka jumlah keseluruhan pampasan yang disalurkan kepada petani yang terlibat dengan bencana adalah sebanyak RM439,832.00.

LAMPIRAN A

KERUGIAN PETANI AKIBAT BENCANA PADA SEPTEMBER 2024

BIL.	DAERAH	BILANGAN PETANI	LUAS TERLIBAT (hektar)	LUAS MUSNAH (hektar)	ANGGARAN NILAI KEROSAKAN (RM)	LUAS HAD TUNTUTAN (hektar)	CADANGAN NILAI BANTUAN (RM)
1.	Seberang Perai Utara	123	161.48	119.68	1,693,900.00	117.31	211,158.00
2.	Seberang Perai Tengah	7	17.93	17.93	42,000.00	12.93	23,274.00
3.	Barat Daya / Timur Laut	1	16.7	3.23	4,500.00	3.0	5,400.00
JUMLAH KESELURUHAN		131	196.11	140.84	1,740,400.00	133.24	239,832.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

4. Balik Pulau merupakan pengeluar buah durian yang mewakili Negeri Pulau Pinang.
- (a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri di dalam mempertingkatkan pengeluaran durian di negeri ini?
 - (b) Nyatakan proses Kerajaan Negeri mengawal benih durian yang bermutu tinggi.
 - (c) Nyatakan bagaimana menentukan buah durian Balik Pulau adalah asli dan tidak dicitrak.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. a) Bagi meningkatkan pengeluaran durian di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) sentiasa memberi bantuan infrastruktur, latihan/kursus serta program yang bersesuaian kepada pengusaha durian di negeri ini. Bantuan berkenaan adalah seperti pembinaan jalan ladang konkrit, sistem pengairan, pusat pengumpulan hasil, input pertanian untuk baja dan racun, perkhidmatan dron serta peralatan kecil.
- b) Bagi mengawal benih durian yang bermutu tinggi, DOA bertanggungjawab untuk mengesahkan pengeluaran bahan tanaman tulen dan berkualiti dalam negara dengan membangunkan Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT). DOA memperakukan anak benih bagi tanaman durian yang

memenuhi standard daripada tiga (3) nurseri tanaman di seluruh Negeri Pulau Pinang seperti jadual berikut:

BIL.	NURSERI TANAMAN	LOKASI
1.	CKM Agriculture Enterprise	Paya Terubong, Timur Laut
2.	Chang Nursery	Sungai Pinang, Barat Daya
3.	Nurseri Warisan Sungai Buaya	Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan

- c) Bagi menentukan keaslian dan mengawal kes durian tiruan, kawasan penanaman durian di kawasan Balik Pulau telah didaftarkan dibawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (myIPO) dan telah menerima Sijil Pendaftaran Petunjuk Geografi sebagai 'Durian Balik Pulau'.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

5. Pertanian adalah satu perniagaan.
- (a) Nyatakan bagaimana menentukan makhluk perosak seperti monyet dan babi hutan dapat ditangani.
 - (b) Makhluk perosak ini amat cepat membiak. Apakah teknik untuk menghalang pembiakan mereka?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Kerajaan Negeri melalui Jabatan PERHILITAN merupakan agensi bertanggungjawab dalam pengurusan konflik hidupan liar seperti kera (monyet) dan babi hutan.

Pengurusan konflik hidupan liar seperti kera (monyet) dan babi hutan ini memerlukan kaedah yang bersesuaian dan mematuhi prosedur/SOP yang telah ditetapkan. Antara langkah- langkah yang boleh diambil oleh Jabatan PERHILITAN adalah seperti berikut:-

- (i) **Terimaan dan siasatan aduan:** Jabatan akan menjalankan siasatan aduan gangguan hidupan liar apabila menerima aduan yang lengkap. Siasatan ini dijalankan bagi mengesahkan spesis hidupan liar yang menimbulkan konflik serta menimbangkan kaedah-kaedah tindakan aduan yang boleh diambil;
- (ii) **Khidmat nasihat:** Khidmat nasihat akan diberikan kepada pengadu bagi mengekang atau mengurangkan gangguan hidupan liar di lokasi aduan. Antara aspek yang ditekankan

adalah dari segi pengurusan sampah domestik yang lebih teratur dan penjagaan kawasan pertanian dan perumahan yang lebih kemas/bersih;

- (iii) **Pemasangan perangkap hidupan liar:** Pemasangan perangkap hidupan liar di sesuatu lokasi aduan akan dilaksanakan jika kawasan/lokasi pemasangan perangkap adalah bersesuaian. Jabatan PERHILITAN akan menguruskan dan mengambil tindakan berkaitan jika ada hidupan liar yang masuk dalam perangkap berkenaan; dan
- (iv) **Operasi Basmi Musuh Tanaman (Kera/Babi Hutan):** Operasi ini dijalankan dengan menggunakan senjata api dan mengambil kira tahap keselamatan di lokasi operasi. Pemakluman operasi kepada pengadu dan penduduk setempat akan dilakukan sebelum operasi ini dijalankan.

Beberapa kaedah yang digunakan oleh Jabatan PERHILITAN untuk menghalang/mengurangkan pembiakan hidupan liar/makhluk perosak seperti kera dan babi hutan yang cepat membiak ini adalah:

- (i) **Khidmat nasihat:** Kawasan sekitar bebas daripada sumber makanan dan air yang dapat menarik perhatian hidupan liar. Contohnya, pastikan pengurusan sampah domestik yang teratur. Disamping itu, memastikan kawasan sekitar rumah, kebun atau tempat kerja sentiasa kemas dan bersih dari sisa makanan dan sampah sarap dapat mengurangkan tempat untuk diganggu oleh hidupan liar;
- (ii) **Memasang Perangkap Hidupan Liar:** Menangkap dan memindahkan hidupan liar di sesuatu tempat dapat membantu mengurangkan populasi hidupan liar tersebut dan seterusnya dapat menghalang dan mengurangkan pembiakan hidupan liar tersebut; dan
- (iii) **Operasi Basmi Musuh Tanaman (Kera/babi Hutan):** Jika terdapat aduan gangguan yang mendatangkan bahaya penduduk setempat, Jabatan PERHILITAN akan menjalankan operasi basmi musuh tanaman dengan penggunaan senjata api dimana hidupan liar yang menimbulkan kacauganggu akan dilupuskan dan ini diharapkan dapat mengurangkan pembiakan hidupan liar berkenaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

6. Fenomena air pasang ekstrem pada 17 hingga 20 Oktober 2024.
- (a) Sebanyak 150 buah rumah dinaiki air, apakah bentuk pampasan yang Kerajaan Negeri boleh bantu kepada penduduk yang terlibat?
 - (b) Nyatakan adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mengadakan tebatan banjir bagi kawasan terlibat.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. (a) Tiada kejadian banjir yang berlaku di Daerah Timur Laut (DTL) dan Barat Daya ketika fenomena air pasang ekstrem pada 17 hingga 20 Oktober 2024. Selain itu, tiada pusat pemindahan dibuka dan tiada kes banjir yang memerlukan perpindahan mangsa dilaporkan di dalam daerah Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan. Manakala, sebanyak 122 Ketua Isi Rumah (KIR) di Daerah Seberang Perai Utara terkesan dan dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Mangsa boleh menerima pampasan berbentuk seperti berikut:-

BIL	JENIS BANTUAN	JUMLAH (RM)
1	Bantuan daripada Pejabat Perdana Menteri	500.00
2	Bantuan daripada Zakat Negeri Pulau Pinang	500.00

BIL	JENIS BANTUAN	JUMLAH (RM)
3	Bantuan daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma)	1,000.00

- (b) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang menjalankan Kajian Semula Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ISMP) Negeri Pulau Pinang. Kajian tersebut sedang di peringkat kerja ukur. Pelaksanaan projek fizikal akan dijalankan setelah kajian siap sepenuhnya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

7. Projek pembinaan kolam udang di kawasan Pantai Aceh.
- (a) Apakah projek-projek kolam udang ini mempunyai Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan bilakah kelulusan tersebut diperolehi?
 - (b) Berapakah keluasan kolam udang tersebut secara keseluruhannya?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. (a) Projek kolam udang di kawasan Pantai Aceh tidak mempunyai kelulusan penilaian Impak Alam Sekitar (EIA). Sebahagian daripada kolam-kolam udang tersebut telah beroperasi sejak tahun 1993 dan tidak tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987.
- (b) Projek ternakan udang laut yang terletak di kawasan Pantai Aceh adalah milikan Syarikat Gen Pelangi Sdn. Bhd. dengan keluasan 10 hektar serta mempunyai 15 buah kolam pelbagai saiz.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

8. Agensi yang terlibat di dalam Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) terhadap Pulau Silicon.
- (a) Adakah agensi yang memberi kelulusan EIA ke atas pembinaan Pulau Silicon mengambil kira fenomena air pasang dan menyebabkan kawasan-kawasan sekitarnya mengalami banjir?
 - (b) Adakah impak selut di pantai-pantai di tier 1, 2 dan 3 diambil kira semasa kajian?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Laporan Penilaian Impak Kepada Alam Sekeliling (EIA) diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia. Selain daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS), agensi-agensi teknikal lain yang terlibat di peringkat kelulusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal EIA (EIA Technical Review Committee) adalah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Pusat Hidrografi Nasional.
- (a) Laporan kajian hidraulik telah diluluskan oleh JPS Malaysia pada 1 September 2022. Kajian hidraulik yang telah dijalankan menunjukkan bahawa perubahan aras air di muara-muara sungai dan titik luahan di sepanjang pembangunan adalah tidak ketara (insignificant) terhadap risiko banjir. Reka bentuk dan perancangan *Silicon Island* turut diperkukuh untuk masa depan dengan mengambil kira kesan perubahan iklim, termasuk peningkatan paras laut. Berdasarkan garis panduan yang

ditetapkan oleh Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC), pulau ini dibangunkan dengan ketahanan jangka panjang sehingga tahun 2100. Ini memastikan pembangunan bukan sahaja mampan hari ini, tetapi juga kekal kukuh dan mampu menyesuaikan diri dengan cabaran alam sekitar di masa hadapan, melindungi komuniti serta infrastruktur daripada ancaman yang semakin meningkat akibat perubahan iklim.

- (b) Kajian hidraulik telah mengambil kira kesan-kesan seperti hakisan dan perubahan paras dasar (pemendapan - selut) di sepanjang pembinaan Pulau Silicon termasuk kawasan-kawasan bagi unit-unit nelayan yang dikategorikan sebagai *Tier 1* (Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk kumbar dan Gertak Sanggul) dan *Tier 2* (Teluk Tempoyak, Batu Maung, Seri Jerejak, Pulau Betong dan Kuala Sungai Burong). Pengerukan penyelenggaraan (maintenance dredging) secara berkala akan dilaksanakan berpandukan kepada kerja ukur pemantauan secara berkala dengan mengekalkan profil alur pelayaran seperti di dalam laporan EIA dan kajian hidraulik. Walau bagaimanapun, tiada kawasan nelayan atau pantai yang dikategorikan sebagai *Tier 3*.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

9. Pulau Silicon.

- (a) Apakah sebab yang munasabah sistem kumbahan dan tangki air perlu diletakkan di kawasan penduduk Batu Maung?
- (b) Kesan-kesan terhadap alam sekitar dan harta benda harus ditanggung oleh penduduk Batu Maung, nyatakan sebabnya.
- (c) Apakah Kerajaan Negeri dan pemaju tidak mempunyai alternatif laluan di antara kedua-dua pulau tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Tiada sistem kumbahan untuk *Silicon Island* dicadangkan di kawasan Batu Maung. Sistem kumbahan yang dicadangkan adalah di *Silicon Island* dengan menggunakan jenis *System Batch Reactor* (SBR) manakala tangki air yang dicadangkan di kawasan Permatang Damar Laut (PDL) adalah bagi memastikan punca air di Pulau Pinang dapat dibekalkan dengan lancar ke *Silicon Island*. Buat masa ini, tekanan air di kawasan PDL adalah rendah dan pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bersetuju dengan cadangan tangki air untuk tujuan menyimpan air sebelum dibekalkan ke *Silicon Island*.
- (b) Pembinaan fasiliti sistem bekalan air ini tidak akan memberikan kesan negatif memandangkan lokasi cadangan tersebut telah mengambilkira kesan sosial dan alam sekitar. Langkah-langkah mitigasi seperti yang dicadangkan di dalam Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) akan dilaksanakan dan dipantau oleh Juruaudit Pihak Ketiga (*Third Party Auditor*) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

- (c) Kerajaan Negeri dan Pemaju Projek telah mengkaji beberapa cadangan laluan alternatif ke *Silicon Island* ini dan cadangan jalan *Pan Island Link 2A* (PIL 2A) merupakan laluan yang mempunyai kesan alam sekitar yang minimum berbanding jajaran alternatif yang lain.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

10. Projek Transit Aliran Ringan (LRT) dari Silicon Island ke KOMTAR akan melibatkan pengambilan lebih banyak tanah-tanah persendirian.
- (a) Berapakah jumlah tanah Kerajaan Negeri dan persendirian yang bakal terlibat?
 - (b) Berapakah keluasan tanah yang melibatkan perniagaan akan terkesan?
 - (c) Berapa buahkah rumah-rumah yang bakal terlibat?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Proses pewartaan Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi koridor jajaran Fasa 1 telah dilaksanakan supaya pihak MRT Corp dapat menjalankan kerja-kerja *survey* dan ukur tanah. Pihak MRT Corp kini juga sedang dalam proses mengadakan perbincangan dengan pemegang-pemegang taruh berkaitan (*stakeholders*) untuk memuktamadkan pengambilan balik tanah berdasarkan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960.
- (a) Pihak MRT Corp menganggarkan jajaran LRT Laluan Mutiara dijangka melibatkan 46% tanah Kerajaan Negeri, 10% tanah Kerajaan Persekutuan dan 38% tanah persendirian.

- (b) Pihak MRT Corp masih melaksanakan kerja-kerja *survey* dan ukur tanah. Perincian akhir untuk tujuan pengambilan tanah belum dimuktamadkan dan hanya akan dimuktamadkan dengan pewartaan Seksyen 8 menurut Akta Pengambilan Tanah 1960 yang dijangka akan dilaksanakan menjelang April 2025.
- (c) Dianggarkan 76 unit perumahan termasuk 50 unit perumahan setinggan, 69 unit kedai termasuk 50 unit gerai dan 2 buah kilang kecil akan terlibat dalam proses pengambilan tanah.

Maklumat-maklumat terperinci perlu dirujuk dengan Kementerian Pengangkutan atau MRT Corp.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

11. Terdapat dua projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang sedang dibina di Titi Teras dan Sungai Pinang di Balik Pulau.
- (a) Apakah status projek PPR tersebut?
 - (b) Bilakah projek ini dimulakan dan dijangka siap kerana terdapat keluhan penduduk berkaitan pemotongan bank telah dilakukan?
 - (c) Apakah permasalahan yang dihadapi oleh kedua projek ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. (a) Berdasarkan rekod projek-projek perumahan swasta yang didaftarkan dan dilaporkan di dalam Sistem Bank Data Perumahan Negara (TEDUH) di bawah pentadbiran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), terdapat dua (2) buah projek di kawasan Balik Pulau iaitu Projek Quinton (Rumah Mampu Milik, RMM C) di Kampung Titi Teras dan Projek Sri Bayu (RMM A dan B) di Kampung Sungai Pinang. Kedua-dua projek tersebut dikategorikan sebagai **Projek Sakit** di kawasan Balik Pulau dan dibangunkan oleh pemaju yang sama iaitu Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd.
- (b) Projek RMM C Quinton yang mengandungi sebanyak 379 unit sepatutnya siap pada 12 April 2023. Walau bagaimanapun, kemajuan kerja semasa berakhir 31 Oktober 2024 adalah sebanyak 74.5% sahaja. Manakala, Projek Sri Bayu yang

terdiri daripada 80 unit RMM A dan 166 unit RMM B pula sepatutnya siap pada 23 Oktober 2023. Namun sehingga 31 Oktober 2024, kemajuan kerja yang dilaporkan adalah hanya 87% sahaja.

- (c) Kedua-kedua projek tersebut berhadapan dengan masalah kenaikan harga bahan binaan akibat daripada penularan wabak pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pihak pemaju telah melaksanakan proses rundingan semula harga bersama kontraktor dan kerja-kerja di tapak telah dimulakan semula pada bulan Jun 2024.

Pihak pemaju juga telah membuat penjadualan semula pembinaan kerja dan projek-projek ini dijangka siap dan memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) seperti unjuran **Jadual 1** di bawah:

Bil.	Perkara	Quinton	Sri Bayu
1.	Komponen	379 unit RMM C	80 unit RMM A 166 unit RMM B
2.	Kemajuan Semasa	74.5%	87%
3.	Tarikh Siap Asal	12 April 2023	23 Oktober 2023
4.	Tarikh Siap Baharu	Sukuan keempat tahun 2025	Sukuan ketiga tahun 2025

Jadual 1: Perincian berkaitan projek Quinton dan Sri Bayu

Projek-projek berkenaan akan dipantau secara berkala untuk memastikan pelaksanaannya berjalan lancar dan sebarang isu dapat ditangani dengan segera.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

12. Projek Perumahan Rakyat (PPR).
- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina rumah PPR di DUN Teluk Bahang?
 - (b) Nyatakan tanah-tanah yang dimiliki oleh JKP di Balik Pulau.
 - (c) Terdapat kerosakan di perumahan PPR. Adakah Kerajaan Negeri boleh membantu Badan Pengurusan Bersama (JMB) yang tidak dapat menyediakan wang 20 peratus sebagai syarat bantuan Kerajaan Negeri?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. (a) Kajian bagi keperluan unit PPR di Dewan Undangan Negeri (DUN) Teluk Bahang akan dilaksanakan dengan mengambil kira faktor permintaan dan cadangan pemajuan yang akan dibina di DUN Teluk Bahang. Sekiranya wujud keperluan unit PPR di DUN Teluk Bahang, ia akan menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk menambah unit PPR di semua Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) secara saksama.
- (b) Senarai Bank Tanah pemilikan JKP di Daerah Barat Daya adalah seperti di **Jadual 2**.

Bil.	Bank Tanah (Barat Daya)	Keluasan (Ekar)
1.	Lot 995 & 96 (PT 62 & 63), Mukim 1, Teluk Bahang	1.45
2.	Lot 1053, 1054 & PT 40, Mukim C, Permatang Pasir 1	16.91
3.	Lot 576, 578, 579, 580 & 581, Mukim C, Permatang Pasir 2	6.78
4.	PT 35, Mukim H, Sungai Burong	7.96
	Jumlah	33.10

Jadual 2 : Perincian Bank Tanah pemilikan JKP di Daerah Barat Daya.

- (c) Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Pulau Pinang (TPM80PP) adalah bantuan Kerajaan Negeri bagi membantu perumahan swasta berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah dalam membantu pembiayaan Badan Pengurusan Bersama (JMB)/Perbadanan Pengurusan (MC) dalam kerjasama penyelenggaraan. Melalui TPM80PP, Kerajaan Negeri menanggung sehingga 80% daripada jumlah kos penyelenggaraan, manakala baki kos ditanggung oleh pihak JMB/MC berdasarkan peratusan pembiayaan yang telah ditetapkan.

Pembiayaan bersama ini bertujuan untuk memupuk sikap tanggungjawab dalam kalangan JMB/MC selaras dengan keperluan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757], yang menyatakan tanggungjawab penyelenggaraan di skim perumahan berstrata adalah di bawah pihak JMB/MC.

Sekiranya pihak JMB/MC masih tidak mampu menjelaskan baki pembiayaan, pihak JMB/MC boleh memohon dana peruntukan daripada YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) mengikut DUN masing-masing di bawah peruntukan Projek-projek Kecil Pembangunan Khas P.16. Selain daripada itu, Program Mesra Rakyat (PMR) yang diperuntukkan kepada Ahli Parlimen dan disalurkan melalui Unit Penyelarasan

Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) juga tersedia untuk membantu JMB/MC dalam menjelaskan baki pembiayaan di bawah TPM80PP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

13. Statistik tangkapan anjing liar di kawasan Barat Daya.
- (a) Apakah statistik ini menunjukkan kejayaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) membanteras jumlah anjing liar di taman perumahan Balik Pulau?
 - (b) Jumlah anjing liar tidak menampakkan kekurangan malah semakin bertambah, justeru strategi tangkapan perlu dirangka supaya lebih berkesan. Jelaskan.
 - (c) Berapakah kumpulan penguat kuasa yang melaksanakan gerakan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. (a) Kerajaan Negeri prihatin terhadap isu anjing liar yang menyelubungi masyarakat di Daerah Barat Daya (DBD) di Pulau Pinang. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menangkap sebanyak 672 ekor anjing liar dari bulan Januari 2024 sehingga Oktober 2024. Salah satu punca utama anjing terbiar meningkat adalah disebabkan oleh sikap tidak bertanggungjawab segelintir pemilik yang bertindak membiarkan haiwan peliharaan masing-masing dengan sewenang-wenangnya. Masalah ini semakin meruncing akibat tindakan orang awam yang memberi makanan kepada anjing

liar dan terbiar terutamanya di kawasan perumahan dan tempat awam.

- (b) Pihak MBPP sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah anjing liar dan terbiar di kawasan DBD dengan mempergiatkan operasi penangkapan di kawasan-kawasan *hotspot*. Selain itu, operasi penguatkuasaan terhadap pemberi makan (*feeders*) juga dijalankan untuk menangani masalah ini. Bermula dari Januari 2024, anjing liar dan terbiar yang ditangkap di kawasan Balik Pulau yang mengancam keselamatan orang awam akan dihantar ke tempat perlindungan haiwan swasta.
- (c) Terdapat dua (2) pasukan penangkap anjing liar dan terbiar daripada MBPP yang akan menjalankan operasi penangkapan harian di kawasan Daerah Timur Laut dan DBD. Di samping itu, *International Aid for the Protection & Welfare of Animals* (IAPWA) Pulau Pinang turut menyediakan pasukan penangkapan anjing yang akan menjalankan operasi tangkapan di kawasan pentadbiran MBPP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

14. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah melaksanakan libat urus tentang kenaikan tarif cukai MBPP.
- (a) Mengapakah rayuan hanya dihadkan kepada perkara-perkara yang dinyatakan sahaja dan alasan lain tidak dilayan?
 - (b) Nyatakan alasan bahawa takrif cukai baru kerana telah lama tidak dinaikkan.
 - (c) Bolehkah kenaikan ini ditangguhkan dulu?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. (a) Perkara-perkara yang dinyatakan untuk bantahan atau rayuan Senarai Nilai Baru 2025 perlulah memenuhi peruntukan di bawah Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]. Walau bagaimanapun, alasan-alasan lain juga akan didengar semasa sesi libat urus dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan jika alasan-alasan tersebut berasas, ia akan dibincangkan untuk pertimbangan selanjutnya oleh pihak MBPP.
- (b) Senarai Nilai Baru 2025 dilaksanakan selaras dengan peruntukan Seksyen 137(3), Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] iaitu Senarai Nilai Baru perlu disediakan dan disiapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (MBPP) setiap lima (5) tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Senarai Nilai sedia

ada yang diguna pakai oleh MBPP pada ketika ini adalah Senarai Nilai yang diluluskan oleh PBN pada tahun 2020 yang lalu.

- (c) Senarai Nilai Baru 2025 telah diluluskan oleh PBN melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Bilangan 20/2024 pada 03 Julai 2024 dan disahkan pada 10 Julai 2024 selaras dengan peruntukan Seksyen 137(3), Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]. Sebarang keputusan berhubung keputusan Senarai Nilai Baharu termasuklah bagi tujuan penangguhan adalah di bawah bidang kuasa PBN dengan mengambil kira pertimbangan daripada pelbagai sudut sama ada di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sendiri ataupun di pihak orang awam.

Senarai Nilai Baru sebaik-baiknya disediakan/disemak/dikaji semula pada setiap lima (5) tahun sepertimana peruntukan di bawah Seksyen 137(3), Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] bagi mengelakkan peningkatan cukai taksiran secara mendadak bagi sesebuah pegangan yang akhirnya membebankan pemilik pegangan tersebut. Selain itu, peningkatan kadar cukai taksiran ini adalah penting bagi menampung peningkatan kos perkhidmatan perbandaraan yang ditanggung oleh PBT.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

15. Terdapat kes orang kurang siuman dan pesakit mental yang berkeliaran di Pekan Balik Pulau, nyatakan Agensi yang bertanggungjawab dalam menyelesaikan isu pesakit mental ini.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Sehingga Oktober 2024, terdapat dua (2) kes orang kurang siuman berkeliaran di Pekan Balik Pulau yang dilaporkan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya. Agensi yang terlibat berkaitan isu ini adalah daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP). Walau bagaimanapun, pesakit mental di kawasan Balik Pulau boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan rawatan di Klinik Kesihatan Air Putih. Sekiranya perlu, kes-kes tersebut akan dirujuk kepada Jabatan Psikiatri, Hospital Pulau Pinang untuk rawatan lanjut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

16. Gejala pesakit mental yang disebabkan tekanan hidup dan pekerjaan telah meningkat, berapa peratuskah pesakit mental yang dialami penduduk Pulau Pinang akibat tekanan pekerjaan?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai data peratusan pesakit mental yang dialami penduduk negeri ini akibat tekanan pekerjaan.

Walau bagaimanapun, Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2023 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan 4.6 peratus daripada penduduk di Malaysia yang berumur 16 tahun ke atas mengalami kemurungan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

17. Isu kemalangan maut di Jalan Tun Sardon dan Jalan Balik Pulau ke Teluk Kumbar.
- (a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kemalangan maut sentiasa berlaku di jalan-jalan ini?
 - (b) Adakah faktor cuaca juga mempengaruhi pemandu-pemandu di jalan tersebut yang boleh menyebabkan kemalangan?
 - (c) Berapakah statistik kemalangan maut setahun?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Berkaitan isu kemalangan maut di Jalan Tun Sardon dan Jalan Balik Pulau ke Teluk Kumbar adalah seperti berikut:
- (a) Antara faktor-faktor yang menjadi penyumbang utama kes-kes kemalangan maut di Jalan Tun Sardon dan Jalan Balik Pulau adalah disebabkan sikap pemandu yang memandu dengan laju di samping faktor muka bumi yang berbukit dan selekoh yang berbahaya;
 - (b) Selain itu, faktor cuaca juga mempengaruhi pemandu-pemandu di jalan tersebut yang boleh menyebabkan kemalangan antaranya adalah pada waktu hujan kenderaan dipandu dengan laju dan menyebabkan tergelincir (*hydroplaning*) dan terbabas; dan

- (c) Statistik kemalangan maut yang berlaku bagi tahun 2023 hingga 2024 adalah seperti berikut:

Jumlah kemalangan maut mengikut tahun	Jalan Tun Sardon	Jalan Teluk Kumbar
2023	5	1
2024	1	5
Jumlah	6	6

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

18. Jalan baru di antara Kuala Sungai Pinang dan Kampung Perlis sedang dijadikan litar haram oleh sekumpulan penunggang motosikal. Apakah tindakan pihak berkuasa di dalam membanteras gejala ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

18. Pihak Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang bersama Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Barat Daya akan menjalankan rondaan dan penguatkuasaan secara berkala di jalan Kuala Sungai Pinang dan Kampung Perlis yang telah dikenal pasti sebagai lokasi kegiatan mat rempit dan juga tempat remaja menunggang secara berkumpulan. Antara langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak trafik adalah seperti berikut:
- (a) Operasi secara terancang terutama ke atas penunggang motosikal yang melakukan kesalahan jalan raya di kawasan tersebut;
 - (b) Tindakan saman akan dikenakan ke atas pesalah trafik, kenderaan disita di bawah seksyen 64(1) APJ 1987 dan juga tangkapan di bawah seksyen 42(1) APJ 1987 akan dijalankan ke atas penunggang motosikal yang dikenal pasti melakukan kesalahan menunggang secara melulu dan berbahaya;
 - (c) Kempen kesedaran keselamatan jalan raya kepada pengguna jalan raya; dan

- (d) Operasi bersepadu PDRM bersama agensi lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

19. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menoktahkan kemiskinan dan miskin tegar di Negeri Pulau Pinang. Berapa ramaikah jumlah mereka yang terlibat di kawasan Barat Daya?
- (a) Berapakah peserta-peserta baru yang tergolong di dalam kategori miskin dan miskin tegar?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Perincian dan statistik bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) dengan Status Miskin dan Miskin Tegar di Daerah Barat Daya sehingga 4 November 2024 mengikut data eKasih adalah seperti berikut:

BIL.	STATUS KEMISKINAN	BILANGAN KETUA ISI RUMAH (KIR) (ORANG)
1.	Miskin	1,817
2.	Miskin Tegar	149
JUMLAH		1,966

Sumber: Data eKasih bertarikh 4 November 2024

- (a) Mengikut semakan melalui Sistem eKasih, pendaftaran baharu KIR ke dalam sistem eKasih dengan Status Miskin dan Miskin Tegar sepanjang 1 Januari 2024 hingga 4 November 2024 adalah sebanyak 224 orang KIR dengan pecahan 190 orang KIR Miskin dan baki 34 orang KIR Miskin Tegar.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

20. Kerajaan Negeri terutamanya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) untuk membantu golongan warga tua. Setakat ini, berapa ramaikah peserta yang terlibat di dalam program PAWE bagi Negeri Pulau Pinang dan kawasan Barat Daya khususnya?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Berdasarkan laporan aktiviti bulanan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bilangan aktiviti dan jumlah penyertaan bermula Januari - November 2024 adalah sebanyak 1,083 aktiviti dan 22,233 orang peserta.

Perincian maklumat jumlah peserta yang terlibat dalam program PAWE bagi seluruh Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

Sehingga November 2024, sebanyak 7,142 orang peserta yang terlibat di dalam program PAWE di kawasan Barat Daya.

LAMPIRAN A**BILANGAN AKTIVITI PAWE DAN JUMLAH PENYERTAAN AKTIVITI BAGI 9
BUAH PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2024 (JANUARI -NOVEMBER)**

NAMA PAWE	BILANGAN AKTIVITI	JUMLAH PENYERTAAN (orang)
PAWE SUNGAI DUA	300	9,700
PAWE BUKIT MERTAJAM	206	1,600
PAWE PERMATANG PAUH	154	1,230
PAWE BATU KAWAN	89	961
PAWE BAYAN BARU	158	3,160
PAWE BALIK PULAU	112	3,982
PAWE KEPALA BATAS	24	720
PAWE BUKIT BENDERA	16	400
PAWE JELUTONG	24	480
JUMLAH	1,083	22,233

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

21. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) telah memperuntukkan sejumlah kos bagi membaiki masjid-masjid yang uzur di Negeri Pulau Pinang. Berapakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan kepada masjid di kawasan Barat Daya yang uzur bagi tahun 2024?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Peruntukkan Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang (ICU) yang diturunkan oleh Pejabat Perdana Menteri untuk membaik pulih masjid sebanyak RM1,000,000.00 bagi setiap parlimen di Pulau Pinang dan bagi Daerah Barat Daya yang mempunyai 10 masjid. Namun, setiap masjid perlu membuat permohonan bagi peruntukkan ini.

Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) telah memperuntukkan RM89,294.99 bagi membaik pulih Surau Ar-Raudah, Taman Sri Bayan.

Tambahan pula, di bawah agensi Majlis Agama Islam Pulau Pinang peruntukkan dari Zakat Pulau Pinang bagi membaik pulih Surau Al- Ittihadiyah, Kampung Jawa sebanyak RM8,000.00 dan Surau Ar-Raudah bagi penambahan jubin/ tiles sebanyak RM7,000.00.

Antara lain, peruntukkan manfaat wakaf bagi penambahbaikan masjid dan surau yang menggunakan instrumen wakaf disalurkan

melalui JHEAIPP. Antara penerima manfaat wakaf adalah Masjid Al-Hidayah Bayan Lepas RM118,600.00, Masjid Sungai Nibong Besar RM33,333,00, Masjid Al-Qahhar Permatang Damar Laut RM10,000.00.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

22. Senaraikan tanah-tanah wakaf yang terdapat di DUN Teluk Bahang.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Terdapat sejumlah 30 lot tanah wakaf dengan keluasan 30.8 ekar yang terdapat di DUN Teluk Bahang. Lot-lot tanah tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Lot	Keluasan (Ekar)
1	700, MK 1	1.62
2	774, MK 1	0.157
3	775, MK 1	0.153
4	10019, MK 1	0.056
5	370, MK 2	3.687
6	15229, MK 2 (STRATA)	0.009
7	504, MK 3	2.95
8	126, MK 3	0.535
9	10086, MK 3	0.077
10	267, MK 3	0.143
11	210, MK 3	0.422
12	458, MK 3	7.55
13	271, MK 3	0.3
14	367, MK 3	0.045
15	443, MK A	0.304
16	3078, MK B	0.332
17	216, MK B	0.345
Bil	Lot	Keluasan (Ekar)
18	253, MK B	3
19	1056, MK C	1.674
20	448, MK C	0.28

21	451, MK C	0.59
22	12, MK C	1.704
23	127, MK D	0.223
24	303, MK D	0.19
25	78, MK D	0.707
26	419, MK D	2
27	228, MK D	0.851
28	10510, MK D	0.394
29	67, MK D	0.334
30	112, MK D	0.167
JUMLAH		30.799

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

23. Terdapat tanah-tanah wakaf yang bernilai tinggi di kawasan George Town.
- (a) Apakah perancangan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam memanfaatkan kepada golongan asnaf dan miskin?
 - (b) Setakat ini, berapa ramaikah golongan asnaf dan miskin yang menerima bantuan Zakat Pulau Pinang (ZPP)?
 - (c) Tanah-tanah wakaf untuk golongan asnaf tidak dimanfaatkan, apakah tindakan MAINPP dalam hal ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. (a) Dalam membangunkan tanah-tanah wakaf yang bernilai tinggi di kawasan George Town, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah merancang untuk memanfaatkan tanah wakaf untuk golongan asnaf dan miskin melalui pembinaan rumah asnaf di atas Lot PT32, Seksyen 6, Bandar George Town, Daerah Timur Laut.
- (b) Sehingga 31 Oktober 2024, jumlah asnaf fakir dan miskin yang menerima bantuan agihan zakat ialah sebanyak 27,660 orang penerima melibatkan jumlah agihan sebanyak RM48,900,194.25.
- (c) Cadangan MAINPP untuk memanfaatkan tanah wakaf untuk golongan asnaf di Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

- (i) Menguruskan tanah wakaf dengan membangunkan projek-projek yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Sebagai contoh, tanah wakaf boleh digunakan untuk pembinaan rumah untuk asnaf, pembangunan projek pertanian atau perniagaan yang memberi peluang pekerjaan atau untuk tujuan pendidikan dan keagamaan;
- (ii) Mengusahakan projek-projek pembangunan perumahan untuk golongan asnaf di Pulau Pinang. Tanah wakaf boleh dimanfaatkan untuk membina rumah kos rendah atau rumah sewa yang mampu milik oleh keluarga asnaf. Ini membantu mengurangkan beban mereka dalam mencari tempat tinggal yang selesa;
- (iii) Projek ekonomi untuk memberi peluang pekerjaan kepada golongan asnaf. Contohnya, tanah wakaf boleh digunakan untuk penanaman tanaman atau ternakan yang memberi hasil untuk dikelola dan dimanfaatkan oleh golongan yang memerlukan;
- (iv) Membangunkan pusat latihan atau sekolah untuk asnaf. Ini memberi peluang kepada mereka untuk mendapatkan pendidikan dan kemahiran yang dapat membantu mereka meningkatkan taraf hidup;
- (v) MAINPP sentiasa memantau dan memastikan tanah-tanah wakaf digunakan dengan cara yang bertepatan dengan syariah. Hal ini untuk mengelak penyalahgunaan tanah wakaf serta memastikan tanah wakaf digunakan sebaik-baiknya bagi kepentingan masyarakat, terutamanya asnaf; dan
- (vi) MAINPP juga akan menjalin kerjasama dengan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta untuk membangunkan tanah wakaf. Ini membolehkan lebih banyak projek dan program dapat dilaksanakan untuk manfaat golongan asnaf di Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

24. Hospital Pulau Pinang (HPP) dan Hospital Seberang Jaya (HSJ) adalah hospital tumpuan rakyat Pulau Pinang.
- (a) Berapa lamakah jangka masa menunggu bagi pesakit luar di kedua-dua hospital tersebut?
 - (b) Berapa peratuskah doktor pakar di dalam semua jabatan yang terdapat di sana?
 - (c) Berapa peratuskah mereka yang menamatkan perkhidmatan sebelum umur persaraan?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. (a) Purata jangka masa waktu menunggu bagi pesakit luar di Hospital Pulau Pinang (HPP) dan Hospital Seberang Jaya (HSJ) masing-masing adalah selama 90 minit.
- (b) Peratusan Pakar Perubatan berbanding Pegawai Perubatan bagi setiap jabatan di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Seberang Jaya adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B**.
- (c) Peratusan Pakar Perubatan yang menamatkan perkhidmatan sebelum umur persaraan (letak jawatan) di Hospital Pulau Pinang (HPP) dan Hospital Seberang Jaya (HSJ) bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	2023		Sehingga Oktober 2024	
	HOSPITAL	HPP	HSJ	HPP	HSJ
1	Bil. Pakar	255	97	260	103
2	Bil. Bersara	6	0	7	1
3	Bil. Letak Jawatan (Peratusan)	35 (13.7%)	13 (13.4%)	16 (6.2%)	5 (5.8%)

LAMPIRAN A

DATA DAN PERATUSAN PAKAR & PEGAWAI PERUBATAN (MO) DI HOSPITAL PULAU PINANG MENGIKUT JABATAN (SEHINGGA 31 OKTOBER 2024)

Jabatan	Pakar	MO	Peratusan Pakar %	Peratusan MO %	Jumlah
Anestesiologi	29	41	41.43	58.57	70
Dermatologi	6	8	42.86	57.14	14
Kardiologi	8	15	34.78	65.22	23
Rawatan Kecemasan dan Pesakit Luar	13	38	25.49	74.51	51
Makmal (Patologi)	27	14	65.85	34.15	41
Nefrologi	1	0	100.00	0.00	1
Neurologi	3	7	30.00	70.00	10
Pembedahan Neuro	5	26	16.13	83.87	31
Obstetrik Dan Ginekologi	9	26	25.71	74.29	35
Oftalmologi	12	13	48.00	52.00	25
Otorinolaringologi	7	12	36.84	63.16	19
Pediatrik	33	36	47.83	52.17	69
Pembedahan Am	8	31	20.51	79.49	39
Pembedahan Kardiothorasik	4	18	18.18	81.82	22
Pembedahan Plastik	2	11	15.38	84.62	13
Pengimejan Diagnostik	15	12	55.56	44.44	27
Perubatan Am	24	73	24.74	75.26	97
Perubatan Forensik	2	7	22.22	77.78	9
Perubatan Nuklear	6	10	37.50	62.50	16
Perubatan Respiratori	4	7	36.36	63.64	11
Perubatan Transfusi	3	6	33.33	66.67	9
Psikiatri & Kesihatan Mental	10	20	33.33	66.67	30
Radioterapi	7	17	29.17	70.83	24
Rehabilitasi	5	9	35.71	64.29	14
Urologi	1	13	7.14	92.86	14
Ortopedik	16	25	39.02	60.98	41
Pengurusan Hospital	0	27	0.00	100.00	27
JUMLAH	260	522	33.2	66.8	782

LAMPIRAN B

**DATA DAN PERATUSAN PAKAR & PEGAWAI PERUBATAN (MO) DI HOSPITAL
SEBERANG JAYA MENGIKUT JABATAN (SEHINGGA 31 OKTOBER 2024)**

Jabatan	Pakar	MO	Peratusan Pakar %	Peratusan MO %	Jumlah
Pembedahan Am	9	8	52.94	47.06	17
Anestesiologi	12	14	46.15	53.85	26
Patologi	8	13	38.10	61.90	21
Perubatan Transfusi	2	1	66.67	33.33	3
Perubatan Am	15	26	36.59	63.41	41
Obstetrik & Ginekologi	11	21	34.38	65.63	32
Ortopedik	8	16	33.33	66.67	24
Ortorinolaringolgi	3	5	37.50	62.50	8
Pediatrik	8	11	42.11	57.89	19
Kecemasan	10	17	37.04	62.96	27
Radiologi	14	16	46.67	53.33	30
Psikiatri	3	3	50.00	50.00	6
Forensik	0	3	0	100.00	3
JUMLAH	103	154	40.08	59.92	257

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

25. Nyatakan setakat tahun 2023 berapa ramaikah pelancong perubatan yang mendapat khidmat kesihatan di negeri ini.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Berdasarkan statistik daripada *Penang Center of Medical Tourism* (PMED), jumlah pelancong asing yang mendapatkan rawatan kesihatan di negeri ini pada tahun 2023 adalah sebanyak 406,072 orang. Jumlah ini adalah berdasarkan bilangan pelancong yang mengunjungi hospital-hospital yang merupakan ahli PMED.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

26. Nyatakan adakah negara-negara baru selain negara tradisional yang mendapatkan rawatan pelancongan di negeri ini.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Negara-negara baharu selain negara tradisional yang mendapatkan rawatan pelancongan di Pulau Pinang adalah dari Negara China, Australia, United Kingdom, Myanmar dan Singapura.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

27. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membuka pusat rawatan Islam bagi memenuhi keperluan pesakit-pesakit yang cenderung kepada pusat rawatan Islam di negeri ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah merancang untuk membangunkan Hospital Islam Pulau Pinang di atas Lot PT3096, Mukim 16, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, pembangunan Hospital Islam Pulau Pinang masih tertangguh disebabkan oleh dana yang terhad. Sehubungan itu, pihak YIPP telah melantik Wakaf Pulau Pinang (WPP) sebagai *Project Management Consultant* (PMC) bagi memastikan projek ini dapat dijayakan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

28. Musim tengkujuh dan fenomena air pasang.
- (a) Nyatakan persiapan Kerajaan Negeri di dalam menghadapi situasi ini.
 - (b) Banyak sungai yang tersumbat akibat tumbuhan-tumbuhan air yang menyekat saluran sungai dan parit. Apakah tindakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) terhadap perkara ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. (a) Kerajaan Negeri melalui Unit Pengurusan Bencana (UPB) telah melakukan pelbagai persiapan dalam menghadapi musim tengkujuh dan fenomena air pasang seperti berikut:
- (i) Bantuan Wang Ihsan (BWI) – Kerajaan Negeri telah mengagihkan sejumlah RM2.0 juta peruntukan bantuan bencana BWI yang diterima daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) kepada semua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) (RM400,000.00/PDT) pada tahun 2023 sebagai persediaan untuk menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) tahun 2003/2004;
 - (ii) Bengkel Pengurusan Bencana Negeri Pulau Pinang – Dua (2) siri bengkel pengurusan bencana telah dilaksanakan pada 26 Februari 2024 dan 24 September 2024 melibatkan *focal person* dari PDT serta jabatan/agensi yang terlibat dalam koordinasi bantuan

- bencana di peringkat Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) bagi meningkatkan lagi kecekapan pengurusan bencana (tsunami dan kebakaran) di negeri ini;
- (iii) Program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) Negeri Pulau Pinang – CBDRM telah dilaksanakan pada 27 April 2024 untuk memberi pendedahan kepada penduduk Pulau Pinang berkenaan mitigasi bencana serta jenis bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada mangsa-mangsa bencana;
 - (iv) *Tabletop Exercise* (TTX) Pengurusan Bencana Industri – TTX telah dilaksanakan oleh UPB dengan kerjasama NADMA pada 2 Mei 2024 untuk meningkatkan kefahaman dan kesiapsiagaan setiap jabatan/agensi yang berkaitan terhadap kaedah serta strategi pengendalian bencana industri;
 - (v) Latihan Simulasi Bencana Industri Negeri Pulau Pinang – Simulasi bencana telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri Pulau Pinang serta Penang Port Sdn. Bhd. pada 21 Mei 2024 di Pengkalan Kargo Pukal Prai (PBCT) untuk mengukur tahap kesiapsiagaan serta menguji pelan kecemasan luar tapak dan kaedah pengurusan dalam menangani bencana oleh setiap agensi yang terlibat di kawasan PBCT kerana ia merupakan salah satu kawasan yang berisiko tinggi untuk berlakunya bencana industri;
 - (vi) Bengkel Pemurnian Garis Panduan Tabung Bencana Negeri Pulau Pinang dan Pemurnian Wang Panjar Khas Akaun Amanah Pengurusan Krisis Negeri – Bengkel ini telah dilaksanakan pada 23 Julai 2024 bagi memurnikan Garis Panduan Tabung Bencana Negeri selaras dengan keputusan mesyuarat yang telah dipersetujui oleh Ahli Jawatankuasa Tabung Bencana Negeri bagi memudahcara urusan penyaluran bantuan tersebut;
 - (vii) Pengemaskinian senarai penerima SMS amaran cuaca Pulau Pinang – Seramai tujuh belas (17) individu terdiri daripada Pengarah dan Ketua Jabatan telah

disenaraikan sebagai penerima SMS amaran cuaca sebagai persediaan dan tindakan pelaksanaan langkah keselamatan bersesuaian bagi melindungi anggota dan aset jabatan/agensi;

- (viii) Aplikasi *Defense Geospatial Information Management* (DGIM) – aplikasi ini telah diperkenalkan oleh NADMA untuk memudahkan laporan awal bencana dibuat oleh pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) apabila berlakunya bencana dan memudahkan pemantauan di pelbagai peringkat terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat;
- (ix) Infografik bencana – Sebanyak sepuluh (10) infografik berkaitan bencana telah dihasilkan dengan merujuk kepada sumber dari Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan NADMA. Semua infografik boleh didapati melalui sistem *Penang Alert* dan laman sosial rasmi Facebook UPB;
- (x) Platform Rakan UPB – platform ini telah diwujudkan untuk meningkatkan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam aspek pengurusan bencana terutamanya melibatkan penyaluran bantuan keperluan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Setakat ini, sebanyak tujuh belas (17) NGO telah berdaftar di bawah platform Rakan UPB ini;
- (xi) Bilik Gerakan Negeri (BGN) – Jadual bertugas petugas BGN dikemaskini setiap tiga (3) bulan di mana seorang Ketua Petugas Harian BGN akan dilantik bagi mengemukakan Laporan BGN pada akhir setiap syif (pagi, petang dan malam) kepada UPB; dan
- (xii) Pelan Strategik Pengurusan Bencana Negeri Pulau Pinang Tahun 2025-2030 – UPB kini sedang dalam penyediaan pelan strategik ini dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) dan Penang Green Council (PGC). Pelan strategik ini akan dikemaskini dan dibentangkan kepada semua Pegawai Daerah yang

menjalankan fungsi sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD).

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) juga telah mengambil tindakan kesiapsiagaan dengan menyediakan data maklumat kawasan yang berpotensi berlakunya banjir di negeri ini ketika air pasang besar bagi bulan Oktober 2024 dan bulan-bulan seterusnya. Selain itu, Pusat Pemantauan Banjir dan Kemarau JPSPP turut diatur gerak bagi kesiapsiagaan hebahan maklumat terkini kepada semua jabatan/agensi berkaitan. JPSPP turut memastikan kesiapsiagaan aset mekanikal dan elektrik seperti pam bergerak, kenderaan dan jentera termasuk memastikan setiap rumah pam dan pintu kawalan air bersedia dalam menghadapi banjir.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

29. Apakah inisiatif Kerajaan Negeri dalam menarik kembali pelancong luar negara ke kawasan tumpuan seperti Teluk Bahang dan Batu Ferringhi?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Berdasarkan Statistik Tourism Malaysia berkenaan lokaliti dengan *Average Occupancy Rates* (AOR) untuk Januari hingga Mac 2024/2023, Batu Ferringhi berada di tempat kedua di Malaysia selepas Genting Highlands.

Ferringhi Bay menjadi tarikan baharu di Batu Ferringhi yang direka untuk menawarkan pengalaman yang meriah di tepi pantai. Dibuka pada September 2024, Ferringhi Bay menampilkan susun atur yang unik kepada ruang makan, membeli-belah dan kawasan hiburan. Kawasan ini menggabungkan kedai makanan dan minuman, butik dan ruang untuk acara dalam satu tempat. Pembangunan ini menjadi tarikan kepada keluarga, pasangan dan individu yang mencari tempat percutian yang indah di tepi pantai.

Bukit Bendera yang disenaraikan sebagai Rizab Biosfera UNESCO turut merangkumi kawasan di Teluk Bahang. Tempat tarikan pelancong seperti Entopia, ESCAPE Theme Park, Taman Negara di Teluk Bahang turut dipromosikan oleh Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

30. Pasca COVID-19 banyak kawasan perniagaan yang mengalami kemelesetan perniagaan. Nyatakan langkah-langkah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terhadap penguatkuasaan kawasan tumpuan pelancong luar dan domestik bagi merancakkan kembali peniaga-peniaga kecil.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengambil langkah-langkah terhadap penguatkuasaan di kawasan tumpuan pelancong luar dan domestik bagi merancakkan kembali peniaga-peniaga kecil iaitu seperti berikut:
- (i) Sekiranya terdapat pembangunan dan tapak perniagaan baharu, peniaga-peniaga sedia ada di kawasan berkaitan akan diberi keutamaan untuk ditawarkan ruang perniagaan dan diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam temu duga bagi tujuan penempatan;
 - (ii) Mana-mana peniaga yang menyatakan hasrat untuk mendapatkan ruang premis akan dibantu dan diminta hadir untuk ditemu duga bagi pengisian kekosongan di mana-mana premis MBPP yang berkenaan;
 - (iii) Menggalakkan aktiviti perniagaan di kawasan baharu sejajar dengan pembangunan dan bentuk aktiviti kemasyarakatan harian yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa dengan

mempertimbangkan sebarang permohonan daripada penduduk setempat atau melalui wakil masyarakat yang ingin menjalankan penganjuran aktiviti perniagaan seperti pasar pagi, pasar malam dan tapak *food truck*;

- (iv) Pelaksanaan Ekonomi Digital kepada penjaja melalui projek Jom Beli *Online* (JBO@MBPP) dalam Aplikasi PEARL. Projek ini membantu golongan peniaga dalam memperluas pemasaran perniagaan melalui platform digital di samping menjadi ejen penghantaran makanan. MBPP juga telah bekerjasama dengan syarikat penghantar seperti DeliverEat, BungkusIt, Tapau Food, Grab Food dan Maybank bagi tujuan memperluas jualan menerusi platform secara dalam talian; dan
- (v) Pelancaran inisiatif tanpa tunai bagi pasar awam di seluruh Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Bank Negara Malaysia.